



BERITA HARIAN



Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bharian.com.my

APA yang perlu dilakukan jika anda mempunyai hutang tidak terkawal? Berikut adalah tiga langkah yang boleh anda gunakan untuk menangani masalah hutang tidak terkawal.

1. Akui anda mempunyai masalah hutang tidak terkawal

■ Jangan menafikannya. Mengaku bahawa anda mempunyai masalah terutama jika anda berdepan beberapa tanda atau masalah membabitkan hutang seperti yang dibincangkan dalam keluaran sebelum ini.

■ Usah tambah lagi hutang. Ini termasuk membeli barangan dan perkhidmatan menggunakan kad kredit anda.

2. Analisis situasi untuk menilai kedudukan kewangan anda

■ Kemas kini semua penyata pinjaman anda untuk mengetahui jumlah hutang yang sebenar.

■ Bandingkan jumlah pembayaran balik hutang dengan pendapatan anda.

■ Bayar balik hutang anda mengikut keutamaan. Bayar pinjaman dan hutang tertunggak dengan kadar faedah yang tinggi terlebih dulu.

3. Ambil tindakan segera untuk betulkan keadaan

PENING HUTANG

Buat analisis sendiri, ambil tindakan proaktif urus kredit

■ Sediakan bajet jika anda masih belum berbuat demikian. Bajet anda mesti mengambil kira semua pembayaran bulanan dalam senarai perbelanjaan anda.

■ Pertimbangkan untuk menggunakan tabung atau menjual aset pelaburan bagi mengurangkan hutang.

■ Kurangkan perbelanjaan anda.

■ Berusaha untuk meningkatkan pendapatan, contohnya dengan membuat kerja sambilan.

■ Berunding dengan institusi kewangan untuk memohon penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman yang sesuai dengan kedudukan aliran tunai anda.

■ Dapatkan bantuan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) jika institusi kewangan tidak dapat membantu anda.



ADA beberapa organisasi yang boleh dihubungi jika anda memerlukan bantuan dan nasihat. Bagaimanapun, anda perlu mengambil langkah proaktif seperti yang diterangkan untuk menyelesaikan masalah termasuk berbincang dengan pihak institusi kewangan anda.

AKPK ringan beban Rokiah, suami

ROKIAH dan suami sudah berumah tangga selama 20 tahun. Pada era 1990-an ketika ekonomi sedang berkembang pesat, mereka sepakat membuka akaun

dagangan saham dalam bank di mana suaminya bekerja.

Rokiah bekerja tetap manakala suaminya baru saja dinaikkan pangkat ke jawatan remisier. Ekonomi yang memberangsangkan memberi petanda yang baik untuk keluarga dan pasangan dalam usia pertengahan 40-an ini merancang untuk berjimat dan pendidikan ketiga-tiga anak mereka.

Ketika keadaan Rokiah sekeluarga baik, pada 1996, perkhidmatan suaminya sebagai remisier di bank damatkan disebabkan kejatuhan saham pelanggannya.

Keadaan bertambah buruk lagi apabila bank terbabit diisytiharkan muflis apabila kedudukan kewangan menjadi paling buruk di Asia.

Kewangan menjadi punca perbalahan antara Rokiah dan suaminya. Lalu akhirnya, mereka memilih untuk berpisah. Keadaan anak-anak di universiti turut terganggu kerana krisis rumah tangga.

Mereka bimbang mengenai masa depan yang tidak menentu, namun masih cuba untuk mencari jalan penyelesaian. Pihak bank meneruskan tindakan mahkamah terhadap Rokiah dan suaminya untuk mengatasi kerugian daripada perkongsian bersama akaun perniagaan terbabit.

Seperti kebanyakan bank, adalah menjadi amalan bahawa bayaran pendahuluan dikenakan sebagai penalti bagi kerugian yang ditanggung dalam akaun dagangan. Mereka tidak dapat membuat bayaran

pendahuluan yang diperlukan, menyebabkan mereka melanggar perjanjian bayaran balik kepada bank.

Mereka bertungkus-lumus berunding dengan pihak bank selama 12 tahun sebelum mendapatkan bantuan daripada AKPK pada Jun 2008.

Pada mulanya, bank terbabit tidak mahu menarik balik keputusan mereka mengenakan bayaran pendahuluan. Ejen AKPK perlu merayu dengan panjang lebar dan menerangkan akibat mengenakan penalti pada mereka berdua.

Agensi membuktikan kepada bank bahawa pasangan itu mempunyai aliran tunai yang positif untuk membayar balik hutang secara ansuran.

Pasangan itu berasa lega apabila prosiding penalti bank ditarik balik dan pihak bank menerima cadangan AKPK untuk pengecualian 50 peratus ke atas ansuran bulanan.

Diskaun terkumpul sebanyak RM164,244 perlu dibayar secara ansuran bulanan sebanyak RM1,500 tanpa faedah, mengambil masa kira-kira sembilan tahun untuk menyelesaikannya.

Masalah ini hanya sementara dalam tempoh pasangan itu menyelesaikan hutang mereka. Namun, dengan mengikuti kaunseling mengenai perancangan kewangan yang disediakan AKPK, pasangan itu beransur-ansur membina kehidupan mereka.



ANDA menghadapi masalah kewangan dan ingin mendapatkan nasihat AKPK melalui kolom Bajet Bijak? Sila hantar kemusykilan anda melalui e-mel ke alamat bminggu@bharian.com.my untuk diteliti dan dianalisa kaunselor AKPK. Ulasan AKPK serta soalan anda akan disiarkan di kolom Bajet Bijak.